



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

***Ministry of Agriculture and Food Industries***

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **PROGRAM 'MALAYSIAN FLAVOURS IN EUROPE' (#MYFLAVOURSEUROPE)**

#### **DIPERKENAL BUAT KALI PERTAMA DI EROPAH**

Sepanjang tahun 2020 – 2021, pandemik COVID-19 telah memberi pelbagai cabaran terhadap perdagangan dan pemasaran di peringkat antarabangsa. Namun, Pejabat Perwakilan Pertanian Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di The Hague, Belanda, terus meningkatkan usaha melalui pelbagai strategi dan promosi supaya pasaran buah-buahan tropika dan produk makanan segar, beku serta proses dapat diperluaskan lagi khususnya di rantau Eropah.

Salah satu usaha adalah melalui Program *#MYFlavoursEurope* yang telah dilaksanakan pada 8-12 September 2021 dengan menggunakan platform atas talian meliputi 4 buah negara iaitu Jerman, United Kingdom (UK), Belanda dan Hungary. Program ini dianjurkan dengan kerjasama pihak *Masters of Malaysian Cuisine* (MOMC), Kedutaan Besar Malaysia di Belanda dan Hungary, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di UK, Konsul Jeneral Malaysia di Frankfurt, MATRADE, Tourism Malaysia dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Menurut Kaunselor Pertanian, Encik Muhamed Salim bin Mohd Ali, program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pengguna di Eropah mengenai kepentingan bahan masakan dan buah-buahan tropika Malaysia. Program ini mempunyai keunikannya yang tersendiri di mana penyediaan masakan Eropah digabungkan dengan citarasa Malaysia dan disampaikan melalui barisan Chef, personaliti masakan serta para *'influencer'* yang terkenal. Kaedah dan menu masakan yang disediakan adalah bertepatan dengan penerimaan dan budaya masyarakat Eropah di mana masakan perlu disediakan dengan cepat dan mudah. Program tersebut juga telah mendapat lebih 400,000 tontonan secara atas talian.

Setiausaha Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan MAFI, Encik Khalid bin Ibrahim berkata, usaha seperti ini adalah seiring dengan kehendak pengguna dan peredaran masa. Kita perlu kreatif untuk mencuba sesuatu yang baharu kerana *'business is no longer as usual'*. Usaha seperti *#MYFlavoursEurope* ini juga mampu meningkatkan *'visibility'* produk makanan Malaysia khususnya di rantau Eropah, menarik minat pasaraya tempatan untuk mengimport produk makanan Malaysia dan menggalakkan restoran untuk mencuba menu baharu yang berasaskan citarasa Malaysia.

Melalui program tersebut juga, para penonton diberikan maklumat mengenai pasaraya-pasaraya yang menjual produk keluaran Malaysia supaya ianya dapat diperolehi dengan mudah.

Pejabat Perwakilan Pertanian MAFI di The Hague, Belanda merupakan pejabat serantau yang meliputi pasaran 33 buah negara iaitu United Kingdom (UK), 27 negara Kesatuan Eropah, 4 negara *European Free Trade Association* (Iceland, Liechtenstein, Norway & Switzerland) dan Russia. Di antara fungsi pejabat ini adalah untuk memperluaskan akses pasaran, memberikan khidmat nasihat berkaitan keperluan sanitari & fitosanitari (SPS), keperluan import & eksport bagi produk pertanian dan mempertingkatkan kerjasama dalam bidang teknologi pertanian serta pelaburan.

Disediakan oleh:

**PEJABAT PERWAKILAN PERTANIAN (THE HAGUE)**

**6 Disember 2021**